

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9 APRIL 2016

# PM puji semangat usahawan India

BH-9/4/2016

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak semalam meluangkan masa dengan beberapa usahawan kaum India untuk mendengar kisah kejayaan mereka menerusi bantuan kerajaan melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga Nasional (TEKUN) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Pertemuan itu diadakan di Restoran Sri Mayuri, Shah Alam, yang turut disertai Ketua Pegawai Eksekutif Sekretariat Khas Untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED), Datuk Dr AT Kumararajah.

Dalam pertemuan itu, Najib menceritakan mengenai pemilik Restoran Sri Mayuri, iaitu Lakshmi dan suaminya, Ravi Rajagopal yang dahulunya bermula dengan menjual roti menggunakan motosikal.

Katanya, perniagaan makanan dan minuman mereka dikembangkan kepada gerai makanan di Taman Sri Muda dan seterusnya restoran di Seksyen 33, Shah Alam.

"Pasangan ini kemudian membuka Restoran Sri Mayuri dan dikembangkan kepada lima cawangan di seluruh Lembah Klang.

## Manfaat bantuan

"Lakshmi memaklumkan impiannya mungkin tidak menjadi realiti tanpa bantuan SEED dan TEKUN.



**Najib mendengar kisah kejayaan beberapa usahawan kaum India** yang menerima bantuan daripada kerajaan bagi memajukan perniagaan di Shah Alam, semalam. [FOTO IHSAN FB NAJIB RAZAK]

"Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2013, pasangan ini menerima tiga pinjaman berjumlah lebih RM50,000 untuk mengubahsuai restoran dan dapur," katanya dalam laman blog beliau [www.najibrazak.com](http://www.najibrazak.com), di sini, semalam.

Najib turut menceritakan mengenai pesara daripada Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON), Erdaya Rajoo yang bermula sebagai pekebun di Semenyih, Selangor dan menjalankan perniagaan ternakan serta sayuran secara kecil-kecilan.

Katanya, hidup beliau diuji apabila isterinya meninggal dunia dan terpaksa membesarkan empat anak sendirian.

"Namun, berbekalkan semangat dan keazaman, beliau bangkit serta mendapat sokongan SEED selepas mendapat maklumat mengenainya daripada laporan di radio dan sahabatnya.

"Menggunakan pinjaman TEKUN sebanyak RM40,000, beliau membeli lembu dan mengembangkan tanaman sirih serta kini memiliki ladang

seluas dua hektar di Pajam, Negeri Sembilan.

"Saya diberitahu, beliau juga memiliki dan membiayai sebuah rumah kebajikan di Kajang iaitu Pertubuhan Kebajikan Astana yang mana beliau menjaga dan membesarkan 28 kanak-kanak menggunakan hasil keuntungan perniagaan beliau," katanya.

Najib berkata, seramai 24,000 usahawan India menerima bantuan pembangunan melalui SEED yang mengubah kehidupan mereka.